

Headline	Kerajaan tidak ada kuasa		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	07 Apr 2019	Color	Black/white
Section	General News		
Page No	A7	Circulation	11,223
Language	Malay	Readership	33,669
Journalist	N/A	ArticleSize	396 cm ²
Frequency	Daily (EM)	AdValue	RM 804
		PR Value	RM 2,412



Kerajaan tidak ada kuasa

► *Larang merokok dalam kenderaan persendirian*

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk melarang perbuatan merokok didalam kenderaan persendirian, kata Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye.

Beliau berkata kenderaan persendirian adalah ruang peribadi seseorang dan ia tidak boleh diganggu.

“Merokok dalam kereta itu kawasan persendirian, kita tidak boleh ganggu laiknya kalau perokok (merokok) dalam kenderaan awam kerana ia berada di bawah peraturan sedia ada dan ia memang kawasan larangan merokok.

“Kalau ibu bapa yang memandu dan dalam kereta ada kanak-kanak sepatutnya (mereka) tidak merokok. Mereka (ibu bapa) patut jaga anak supaya tidak merokok. Kalau dia pandu seorang, itu hak dia untuk dia merokok atau tidak,” katanya kepada pemberita



DR Lim (tengah) bergambar bersama para peserta selepas merasmikan Program Penanaman Pokok ‘Let’s Go Green’ anjuran Yayasan Paru-Paru Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Turut serta Pengurus Yayasan Paru-Paru Malaysia Datuk Dr Zainudin Md Zin dan Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Latif Mohmod (lima, kanan).

Perubatan Malaysia (MMA) Dr Mohamed Namazie Ibrahim semalam berhubung cadangannya agar kerajaan

dalam kenderaan itu.

Katanya, beberapa negara seperti Australia, Kanada dan Perancis telah menguatkuasakan larangan merokok di dalam kenderaan persendirian, dengan mengenakan denda bagi mereka yang merokok jika ada kanak-kanak atau wanita hamil berhampiran.

Sementara itu, Dr Lee berkata sebanyak 22,767 notis amaran telah dikeluarkan kepada premis makanan dan restoran yang gagal mempamerkan tandalarangan merokok dari 1 Jan hingga 24 Feb di seluruh negara.

Katanya, setakat ini belum ada saman dikeluarkan namun Julai ini kementeriannya akan mula mengeluarkan saman ke atas premis yang melanggar peraturan yang ditetapkan.- Bernama

“Kalau ibu bapa yang memandu dan dalam kereta ada kanak-kanak sepatutnya (mereka) tidak merokok. Mereka (ibu bapa) patut jaga anak supaya tidak merokok. Kalau dia pandu seorang, itu hak dia untuk dia merokok atau tidak.”

DR LEE BOON CHYE, Timbalan Menteri Kesihatan

selepas menghadiri Program Menanam Pokok ‘Let’s Go Green’ anjuran Yayasan Paru-paru Malaysia (LFM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, pada Sabtu.

Dr Lee mengulas kenyataan Presiden Persatuan

mempertimbangkan kempen kesedaran bagi menghalang perbuatan merokok di dalam kenderaan kerana mereka yang melakukan perjalanan dalam satukumpulan terdedah secara langsung kepada asap rokok basi jika seorang daripada mereka merokok di